

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pendapatan dan perbelanjaan operasi TARCC pada tahun 2018, 2019 dan 2020. Nyatakan langkah penambahbaikan peranan TARCC pada tahun-tahun yang akan datang.

JAWAPAN

Pendapatan TARRC bagi tahun 2018 adalah GBP1.24 juta, 2019 sebanyak GBP1.29 juta dan 2020 sebanyak GBP1.02 juta. Manakala perbelanjaan operasi TARRC pada tahun 2018 adalah GBP5.46 juta, 2019 sebanyak GBP5.31 juta dan 2020 sebanyak GBP3.47 juta.

Pelan Perniagaan *Tun Abdul Razak Research Centre* (TARRC) yang telah diluluskan bagi tempoh 2021-2025 akan digunakan sebagai panduan mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Antara objektif utama pelan perniagaan ini adalah untuk mengurangkan kebergantungan TARRC kepada sumbangan kewangan daripada Malaysia serta memperluaskan rangkaian TARRC dalam membekalkan perkhidmatan ujian makmal, khidmat perundingan serta latihan dalam sektor getah.

Pelan Perniagaan TARRC ini telah menganalisa kekuatan dan kelemahan serta mengenalpasti bidang-bidang tertentu yang boleh diterokai bagi membantu mengembangkan aktiviti sehari-hari dan seterusnya membantu meningkatkan keupayaan kewangan TARRC.

Antara program yang telah dirancang adalah mempergiat aktiviti mempromosi industri getah Malaysia di samping perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh TARRC kepada industri di seluruh dunia, khususnya di negara-negara Eropah.

TARRC juga akan mengekalkan hubungan komersil dengan industri selain daripada mewujudkan peluang perniagaan yang baru. Kolaborator daripada industri dan universiti juga akan dijalin agar aktiviti-aktiviti teknikal seperti penyelidikan dan pembangunan dapat dilaksanakan.